
PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2008

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mampan

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 6.3% (S1 08: 7.1%) pada suku kedua 2008. Pertumbuhan disokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh manakala permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih sederhana.

Pertumbuhan mampan pada suku kedua 2008
(pada harga malar 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri berkembang dengan lebih sederhana pada suku kedua, namun masih kukuh pada 7.8% (S1 08: 10%). Penggunaan swasta meningkat 9% (S1 08: 11.7%) dalam persekitaran harga pengguna yang lebih tinggi dan sentimen pengguna yang sederhana. Perbelanjaan bagi emolumen, pertahanan, bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi menyokong pertumbuhan perbelanjaan awam (7.1%; S1 08: 10.5%). Aktiviti pelaburan terus mampan dan meningkat 5.6% (S1 08: 6%), disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan, terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, dan juga perbelanjaan pembangunan Kerajaan yang lebih tinggi.

Meskipun kebanyakan penunjuk pelaburan menyarankan perbelanjaan modal akan terus berkembang, kos aktiviti pelaburan yang meningkat telah mengurangkan perbelanjaan pelaburan dalam nilai benar.

Kesemua sektor utama menyumbang secara positif kepada pertumbuhan, kecuali sektor perlombongan. Sektor perkhidmatan meningkat 7.6% (S1 08: 7.9%), didorong oleh pertumbuhan kukuh subsektor perdagangan borong dan runcit serta prestasi subsektor komunikasi, pengangkutan dan penyimpanan; dan juga kewangan dan insurans yang menggalakkan.

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% (S1 08: 7%), dipacu oleh industri berorientasikan dalam negeri, khususnya industri kelengkapan pengangkutan, makanan dan berkaitan pembinaan. Industri berorientasikan eksport meningkat dengan lebih sederhana terutamanya disebabkan oleh pengeluaran komputer dan alat ganti yang lebih rendah dan kemerosotan dalam pengeluaran industri petroleum dan kimia. Pertumbuhan sektor elektronik dan elektrik (E&E) keseluruhan telah disokong oleh permintaan luar negeri terhadap keluaran elektrik dan separa konduktor. Sementara itu, industri berasaskan sumber terpilih seperti industri pemprosesan di luar estet dan keluaran getah terus menyokong industri berasaskan eksport.

Pertumbuhan sektor pertanian (5.9%; S1 08: 6.3%) disokong oleh peningkatan dua angka dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Sektor pembinaan pula meningkat dengan sederhana (3.9%; S1 08: 5.3%) berikutan kenaikan kos bahan binaan. Sementara itu, sektor perlombongan menguncup sedikit disebabkan oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 4.8% pada suku kedua (S1 08: 2.6%). Kadar inflasi yang lebih tinggi pada suku ini mencerminkan kenaikan harga runcit petrol dan diesel pada 4 Jun 2008 berikutan penstrukturan semula subsidi, di samping harga makanan yang meningkat. Harga bahan api dan makanan meningkat berikutan harga komoditi dan tenaga global yang lebih tinggi. Inflasi dijangka kekal tinggi mulai bulan Jun 2008, sebelum menjadi sederhana menjelang pertengahan tahun 2009.

Dalam sektor luaran, imbangan perdagangan mencatat lebihan tertinggi sebanyak RM40.8 bilion pada suku kedua (S1 08: RM26.8 bilion), hasil daripada eksport komoditi dan eksport perkilangan berasaskan sumber yang kukuh. Eksport kasar pula mencatat peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 20.8%, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan kukuh eksport pertanian dan mineral yang berterusan. Kedua-dua eksport tersebut khususnya mendapat manfaat daripada harga komoditi yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, eksport perkilangan juga meningkat (+12.3%; S1 08: -1.9%), disokong oleh kenaikan harga keluaran berasaskan sumber dan separa konduktor.

Import kasar meningkat 9.8% pada suku kedua, mencerminkan pertumbuhan lebih kukuh dalam semua kategori import. Import barangan pengantara meningkat 10.2% sejajar dengan eksport perkilangan yang lebih tinggi. Aktiviti pelaburan yang berterusan mendorong permintaan yang lebih tinggi terhadap import barangan modal. Pertumbuhan import barangan penggunaan yang kukuh sebanyak 21.1% sebahagian besarnya mencerminkan aktiviti penggunaan yang berterusan dan harga makanan dan minuman diproses yang tinggi.

Dalam akaun kewangan, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), seperti yang dipantau oleh Sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia, meningkat kepada RM12.2 bilion (S1 08: RM7.1 bilion). Aliran masuk FDI disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan, dan minyak dan gas. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek, FDI bersih meningkat kepada RM8.3 bilion (S1 08: RM2 bilion). Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3.5 bilion (S1 08: -RM6.6 bilion) mencerminkan pelaburan yang mampan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM31.8 bilion (S1 08: +RM1.5 bilion) disebabkan oleh penebusan bersih bon dan ekuiti oleh pelabur asing. Pada suku kedua, sentimen pelabur di Malaysia dan rantau Asia terjejas akibat kebimbangan terhadap kesan harga tenaga yang lebih tinggi dan kelembapan ekonomi AS terhadap prospek pertumbuhan rantau ini.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM410.9 bilion (bersamaan dengan USD125.8 bilion) pada 30 Jun 2008. Rizab berjumlah RM403.9 bilion (bersamaan dengan USD123.7 bilion) pada 15 Ogos 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

OPR tidak berubah

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada suku kedua tidak berubah pada 3.50%. Bank Negara Malaysia menjangka inflasi akan terus tinggi pada separuh kedua tahun 2008 dan berlarutan hingga ke permulaan tahun 2009 sebelum menjadi sederhana menjelang pertengahan tahun 2009. Penstrukturan semula harga tenaga dalam negeri secara menyeluruh pada bulan Jun dijangka mempunyai kesan deflasi terhadap ekonomi pada separuh kedua tahun ini hingga ke permulaan tahun 2009.

Dengan OPR tidak berubah, kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada suku kedua. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada suku kedua, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih rendah pada 6.08% pada akhir bulan Jun. Kadar deposit pula secara relatif stabil pada tempoh tersebut.

Aktiviti pembiayaan pada suku kedua terus kukuh dan menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang sebanyak 14.1% pada akhir bulan Jun. Pinjaman terkumpul meningkat 11.7% pada akhir bulan Jun, mercerminkan kenaikan untuk sektor perniagaan dan isi rumah, dengan pinjaman terkumpul kepada kedua-dua sektor ini masing-masing berkembang 14.4% dan 8.9%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman secara relatif kekal pada paras yang tinggi, dengan pembiayaan yang menyeluruh terus diberikan kepada sektor-sektor produktif dalam ekonomi.

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat dengan nyata kepada RM27.7 bilion pada suku kedua. Dalam sektor swasta, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS lebih tinggi pada RM15 bilion, manakala dana bersih yang diperoleh melalui pasaran ekuiti berjumlah RM1.7 bilion. Sektor awam pula memperoleh dana bersih sebanyak RM11 bilion.

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM16.1 bilion pada suku kedua, iaitu peningkatan kadar tahunan 14.2% pada akhir bulan Jun. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor swasta.

Pada suku kedua, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.4% berbanding dengan dolar AS. Dolar AS menjadi lebih kukuh dalam tempoh ini disebabkan oleh jangkaan bahawa penurunan kadar *Fed Funds* akan dihentikan buat sementara waktu. Di samping itu, kenaikan harga bahan api dan makanan global serta prospek pertumbuhan yang lebih sederhana menjejaskan sentimen pelabur terhadap rantau ini. Ini seterusnya mengakibatkan aliran keluar portfolio, yang mempengaruhi mata wang serantau lain termasuk ringgit. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan euro (-2.3%) dan paun sterling (-2.3%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (3.8%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau lain. Pada tempoh 1 Julai hingga 28 Ogos 2008, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS (-3.2%) dan yen Jepun (-0.5%), tetapi menambah nilai berbanding dengan euro (3.3%) dan paun sterling (5%). Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam julat 1.4% hingga 4%. Namun, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura dan won Korea masing-masing sebanyak 0.4% dan 0.3%.

Sistem perbankan terus berdaya tahan

Sistem perbankan terus berdaya tahan dan berkedudukan kukuh untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan ekonomi dalam negeri. Pada akhir bulan Jun 2008, permodalan sistem perbankan terus teguh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13% dan 10.1%. Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.2 bilion pada suku kedua, dengan pulangan atas aset dan ekuiti tahunan purata masing-masing pada 1.7% dan 22%. Sementara itu, pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3-bulan menurun lagi sebanyak 6.7% kepada RM17.8 bilion untuk mencakupi 2.7% daripada jumlah pinjaman bersih.

Prospek pertumbuhan

Persekitaran ekonomi dan kewangan antarabangsa dijangka menjadi lebih mencabar pada masa hadapan. Pertumbuhan global diunjurkan semakin lembap dengan beberapa ekonomi maju dijangka mengalami kelembapan yang berlarutan dan ekonomi sedang pesat membangun menghadapi sedikit penyederhanaan. Walaupun harga komoditi dan tenaga telah mengalami sedikit penyelarasan berikutan tanda-tanda pertumbuhan global yang lebih perlahan, harga masih pada paras yang tinggi. Sementara itu, pasaran kewangan antarabangsa terus lembap.

Ekonomi dalam negeri dijangka terjejas oleh kesemua perkembangan di luar negara tersebut. Di samping itu, kesan kenaikan harga dan kos komoditi dan bahan api akan terus memberikan kesan deflasi terhadap permintaan dalam negeri, selain mempengaruhi sentimen pengguna dan perniagaan. Walaupun terdapat tanda-tanda pertumbuhan semakin sederhana, dengan asas ekonomi yang teguh dan sektor perbankan yang berdaya tahan, ekonomi Malaysia berpotensi untuk terus mencatat pertumbuhan yang kukuh.

PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus berdaya tahan pada suku kedua 2008, disokong oleh permodalan yang kukuh dan keberuntungan yang berterusan. Dengan paras pinjaman tak berbayar (*non-performing loans*, NPL) terus menurun, institusi kewangan terus kukuh untuk menyokong aktiviti ekonomi.

Tahap permodalan sistem perbankan terus tinggi

Pada akhir bulan Jun 2008, permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*, RWCR) dan nisbah modal teras (*core capital ratio*, CCR) masing-masing pada 13% dan 10.1%. Pada suku kedua, modal asas berkembang 2%, hasil terutamanya daripada terbitan saham keutamaan bukan kumulatif dan terbitan hutang subordinat dalam denominasi ringgit oleh dua institusi perbankan. Ini sebahagiannya mengimbangi pengembangan aset institusi perbankan yang berterusan dan pengambilalihan anak syarikat. Dengan modal lebihan sebanyak RM39.8 bilion, sistem perbankan berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2007			2008	
	S2	S3	S4	S1	S2
Modal					
CCR (%)	10.8	10.3	10.2	10.3	10.1
RWCR (%)	13.9	13.2	13.2	13.3	13.0


Keberuntungan berterusan dalam persekitaran perniagaan yang lebih mencabar

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.2 bilion (S1 08: RM 5.7 bilion) pada suku kedua. Paras keuntungan sebelum cukai ini disokong oleh hasil yang mapan daripada aktiviti berkaitan pembiayaan dan pengurusan kekayaan dan portfolio, serta perkhidmatan kiriman wang. Walau bagaimanapun, ini diimbangi oleh perolehan daripada urus niaga bersih yang lebih rendah (-59%) disebabkan oleh kerugian urus niaga dalam beberapa bank pelaburan dan bank Islam serta kerugian penukaran kepada nilai pasaran ekoran pemegangan sekuriti. Oleh itu, pulangan purata tahunan bagi aset dan ekuiti masing-masing pada 1.7% dan 22% (S1 08: masing-masing 1.8% dan 23.4%).

Paras NPL terus menurun

Meskipun persekitaran perniagaan adalah lebih mencabar, kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik pada suku kedua. Jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan terus menurun sebanyak 6.7% kepada RM17.8 bilion (S1 08: RM19 bilion) untuk mencakupi 2.7% daripada jumlah pinjaman bersih (S1 08: 3%). Trend ini telah berterusan pada bulan Julai memandangkan pinjaman tak berbayar menurun kepada 2.5% daripada jumlah pinjaman bersih. Ini disebabkan oleh kutipan balik pinjaman yang berterusan, pengelasan semula NPL kepada status berbayar dan hapus kira.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar



Sidang Kemuncak IFSB Kelima: "Globalisasi Perkhidmatan Kewangan Islam - Peluang dan Cabaran" Amman, Jordan, 13 Mei 2008

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dekad ini menyaksikan globalisasi kewangan bagi bidang kewangan Islam mencapai momentum yang lebih giat. Meskipun pada peringkat awalnya perkembangan kewangan Islam tertumpu hanya dalam negeri, pengembangannya ke arena antarabangsa terbukti oleh peningkatan aliran merentas sempadan, pertambahan penyertaan dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa, pertumbuhan bilangan institusi kewangan Islam dalam negara-negara lain, dan terkini, pertambahan bilangan institusi kewangan Islam dengan pemegang saham daripada pelbagai negara. Trend ini semakin memperkuat kesalinghubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa antara negara lantas menghasilkan ganjaran yang boleh dinikmati bersama-sama.

Globalisasi kewangan pada dasarnya telah dipermudah oleh langkah liberalisasi yang makin ketara, kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi, dan penambahbaikan yang dicapai dalam pembangunan infrastruktur kewangan antarabangsa. Trend ini turut diperkuat oleh usaha mencari pulangan yang lebih tinggi dan keperluan untuk mempelbagaikan risiko. Dalam persekitaran kewangan antarabangsa semasa yang wujudnya ketidakpastian, trend ini kian ketara dan telah mendorong pelabur untuk meneroka kelas aset baharu dan pasaran yang stabil.

Globalisasi Perkhidmatan Kewangan Islam

Dengan aspek dimensi antarabangsa kewangan Islam menjadi semakin nyata, landskap kewangan telah melalui perubahan yang besar dengan pesertanya lebih pelbagai dan persekitarannya yang lebih kompetitif. Ini seterusnya menjadi pemangkin bagi peningkatan inovasi kewangan dan penghasilan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lebih luas. Perkembangan ini telah menarik minat peserta global konvensional dari negara-negara bukan Islam, terutamanya dari segi penyertaan yang meningkat dalam pasaran kewangan Islam dan perolehan kepentingan strategik dalam institusi kewangan Islam domestik. Dengan terbukanya peluang kepada institusi perbankan dan peserta lain, sistem kewangan Islam menjadi lebih pelbagai dan pasaran kewangan Islam semakin luas berkembang. Perkembangan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan pesat kewangan Islam di seluruh dunia, dan kewangan Islam kini muncul sebagai antara segmen paling pantas pertumbuhannya dalam industri perkhidmatan kewangan.

Susulan perkembangan tersebut, skop perniagaan kewangan Islam telah berkembang daripada hanya tertumpu pada pembiayaan runcit dan perdagangan, kepada penawaran produk kewangan yang lebih canggih untuk memenuhi permintaan pelanggan global yang berubah-ubah. Produk berasaskan Syariah ini termasuklah ekuiti swasta, pembiayaan projek, originasi dan terbitan sukuk, serta produk pengurusan dana, aset dan harta. Pasaran sukuk khususnya, telah menjadi saluran penting bagi aktiviti mendapatkan dana dan pelaburan antarabangsa, dan telah berkembang pada kadar 40% setahun. Potensi besar pasaran sukuk dalam sistem kewangan antarabangsa sememangnya merupakan kemuncak baharu inovasi dalam kewangan Islam malah merupakan bahagian penting proses globalisasi kewangan Islam. Sukuk Musyarakah dan Ijarah yang diterima secara meluas di peringkat global kini membentuk sebahagian besar terbitan sukuk global.

Pembangunan struktur sokongan bagi kewangan antarabangsa merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk membangunkan kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Antaranya ialah penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) pada tahun 2002 untuk menetapkan piawai kehematan kewangan Islam, dan juga pewujudan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, AAOIFI) pada tahun 1990. Kedua-dua badan penetap piawai antarabangsa ini memainkan peranan penting dalam menyelaraskan piawai kehematan dan perakaunan merentas negara-negara yang berbeza. Apa yang lebih penting ialah peranan badan tersebut menghasilkan amalan terbaik antarabangsa dalam pembangunan kewangan Islam global. Lantaran usaha bersepadu untuk menghasilkan amalan terbaik antarabangsa yang kukuh dalam rangka kerja kehematan dan penyeliaan, daya tahan dan kemampanan jangka panjang industri kewangan Islam dapat dikekalkan.

Globalisasi turut membawa bersama-samanya elemen saling bergantung yang lebih ketara. Meskipun kesalinghubungan yang lebih nyata ini dijangka menghasilkan pengagihan modal yang lebih cekap merentas sempadan, yang seterusnya mengurangkan kos modal, langkah ini juga boleh menyebabkan kemungkinan berlakunya pemindahan risiko merentas negara. Ini menekankan lagi keperluan untuk memastikan mutu globalisasi kewangan. Meskipun sifat intrinsik kewangan Islam sememangnya menggalakkan pengurusan risiko dan memberi keyakinan melalui penzahiran dan ketelusan, risiko baharu yang berpunca daripada globalisasi harus diambil kira. Ini bagi memastikan institusi kewangan Islam berupaya menguruskan risiko dan pihak berkuasa pengawalseliaan mempunyai peralatan yang perlu untuk menangani sebarang implikasi penyahstabilan.

Munculnya Cabaran Baharu

Dimensi antarabangsa kewangan Islam yang kian nyata membawa bersama-samanya cabaran baharu. Kemunculan institusi kewangan Islam yang lebih pelbagai dan pembangunan pasaran kewangan Islam yang kian meluas telah mempercepat lagi perkembangan pengantara perbankan Islam, takaful dan pasaran modal yang canggih. Ini juga telah membawa kepada terciptanya instrumen kewangan berstruktur yang canggih dan kompleks termasuk struktur hutang-ekuiti hibrid. Persaingan yang kian sengit bukan sekadar mempercepat langkah inovasi produk dan perkhidmatan tetapi juga proses operasi dan saluran penyampaian. Perkembangan ini menyumbang kepada profil **risiko urus niaga** kewangan Islam **yang semakin kompleks.**

Inisiatif Strategik Global

Langkah-langkah kerjasama antarabangsa telah dilaksanakan berikutan kesedaran tentang betapa pentingnya daya tahan kewangan industri bagi perkhidmatan kewangan Islam diperteguh dalam persekitaran yang kian mencabar ini.

Justeru, bagi menerajui pembangunan strategik industri ini, **pelan Induk 10 tahun** bagi pembangunan industri kewangan Islam global telah dilaksanakan. Pelan ini merupakan inisiatif bersama Islamic Development Bank (IDB) dan IFSB untuk menyediakan rangka tindakan pembangunan sistem kewangan Islam yang teratur merentas negara bagi mencapai matlamat yang sama, iaitu industri perkhidmatan kewangan Islam yang teguh, berkesan dan progresif. Rangka tindakan ini turut menggariskan strategi umum pembangunan komponen utama pelbagai bahagian sektor kewangan Islam. Antaranya, panduan untuk menentukan pilihan terbaik bagi tahap pembangunan berbeza sistem kewangan Islam agar ia dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, serta menjadi komponen penting sistem kewangan antarabangsa.

Perlu ditekankan bahawa pelan induk ini bukan sekadar menyediakan rangka tindakan pembangunan sistem kewangan Islam yang jitu dan padu lagi komprehensif, tetapi ia juga menggalakkan pemahaman dan kesedaran yang lebih mendalam termasuk menyediakan

maklumat tentang jangkaan tahap pencapaian yang diperlukan buat mereka yang ingin menyertai sistem kewangan Islam.

Satu lagi inisiatif global yang penting dalam kewangan Islam ialah pengisytiharan **piawai kehematan dan penyeliaan antarabangsa** oleh IFSB. IFSB telah mempercepat penghasilan piawai ini bagi menangani risiko ciri-ciri kontrak kewangan Islam yang unik dan khusus. Dalam pelaksanaan piawai ini apa yang penting ialah pengukuhan keupayaan institusi kewangan mengurus risiko. Di samping itu, pelaksanaan piawai ini perlu diperlengkap oleh pengawasan yang berterusan agar dapat mengenal pasti dari awal lagi risiko yang baru muncul dan juga untuk memastikan institusi tersebut bersedia untuk menguruskan risiko.

Daya Tahan Diperkukuh oleh Ciri-Ciri Intrinsik Kewangan Islam

Ciri-ciri intrinsik kewangan Islam turut menyumbang kepada daya tahan keseluruhannya. Ini terbentuk daripada prinsip Syariah yang merupakan tunggak utama kewangan Islam. Injunksi Syariah menghendaki urus niaga kewangan diasaskan oleh aktiviti produktif yang menghasilkan kaitan rapat antara aliran kewangan dengan aliran produktif. Di bawah konsep perkongsian risiko, pembiaya kewangan dan peminjam saling berkongsi risiko. Dalam pengaturan sebegini, aktiviti benar dijangka menjana pulangan yang cukup untuk menampung risiko. Ekoran itu, pihak-pihak yang berurus niaga dilindungi daripada pendedahan kepada risiko yang melampau memandangkan prinsip Syariah melarang leveraj berlebihan dan penglibatan dalam aktiviti kewangan spekulatif. Oleh itu, prinsip intrinsik perkongsian keuntungan dan risiko menyediakan kaedah sekatan dan imbangan (*check and balance*) dalaman terhadap urus niaga kewangan Islam. Gabungan kesemua ciri tersendiri ini dan pelaksanaan piawai dan amalan pengurusan risiko berhemat dapat menyumbang kepada keteguhan dan daya tahan sistem kewangan Islam.

Sikap Saling Menghormati Prinsip Syariah

Dekad ini merupakan fasa inovasi dalam sistem kewangan Islam global dengan beberapa pencapaian cemerlang dan penting dalam urus niaga dan struktur inovatif. Kemajuan sukuk, pengsekuritian Islam, ekuiti swasta Islam, dana pelaburan harta tanah Islam dan instrumen kewangan lain dari aspek kecanggihan dan rangkaian produk, telah memperluas jangkauan kewangan Islam dalam pasaran antarabangsa, khususnya dalam urus niaga merentas sempadan.

Pada masa yang sama, beberapa isu penting telah dibangkitkan dalam fasa ini, khususnya tentang perbezaan pendapat Syariah yang menjadi asas kepada beberapa urus niaga kewangan Islam. Meskipun perbezaan pendapat dalam urus niaga kewangan Islam bukanlah fenomena baharu, ia telah menghasilkan satu cabaran baharu dalam pasaran yang kini makin bersifat global. Hubungan yang semakin erat antara pasaran kewangan Islam global hanya dapat dijalin sekiranya pihak-pihak yang terlibat saling mencapai persefahaman dan sepakat menerima peraturan dan piawai yang digunakan. Malah urus niaga merentas sempadan memerlukan negara yang terlibat agar **saling mengiktiraf kesahan *(validity)* peraturan, amalan dan tafsiran Syariah masing-masing**. Ini merupakan satu elemen penting bagi pembangunan yang teratur dan bagi meningkatkan lagi kemajuan industri kewangan Islam antarabangsa.

Bagi tujuan ini, usaha bersepadu perlu digembleng untuk memberi kejelasan tentang strategi yang boleh diterima oleh semua pihak bagi pembangunan kewangan Islam global. Dalam persekitaran semasa yang lebih bersifat global ini, peranan cendekiawan perlu melangkaui peranan menasihati atau menggubal peraturan Syariah semata-mata, tetapi perlu merangkumi peranan lebih strategik dalam menentukan pembangunan industri. Ini sebahagiannya dapat dicapai dengan mewujudkan **piawai Syariah global** bagi industri kewangan Islam. Persetujuan

bersama boleh dicapai dengan penggunaan **prinsip dan proses yang saling diiktiraf untuk menghasilkan peraturan dan pandangan Syariah**[1].

Sehubungan dengan itu, Malaysia telah mengambil **inisiatif strategik tiga serampang** untuk menggalakkan rasa saling menghormati pandangan Syariah. Inisiatif pertama ialah mengiktiraf prinsip saling menghormati pendapat Syariah yang diputuskan oleh jawatankuasa Syariah negara lain bagi urus niaga yang dilaksanakan di Malaysia. Di samping peranan utama Majlis Penasihat Syariah pusat yang merupakan tempat rujukan bagi semua perkara berkaitan dengan Syariah dalam kewangan Islam, Malaysia mengalu-alukan resolusi Syariah oleh jawatankuasa Syariah lain yang diputuskan berdasarkan **prinsip, proses dan peraturan yang diterima umum.**

Inisiatif kedua adalah untuk membina **asas sumber yang kukuh** yang disokong oleh kumpulan pakar Syariah yang berkelayakan dan kompeten, serta lebih menekankan penyelidikan Syariah yang menyeluruh dalam kewangan Islam. Memandangkan perkembangan kewangan Islam yang pesat di seluruh dunia, permintaan terhadap cendekiawan Syariah yang mempunyai minat yang mendalam terhadap pembangunan strategik industri kewangan Islam perlu dipenuhi dengan segera. Dari segi sumber pula, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) yang ditubuhkan pada tahun 2006 berjaya meraih pencapaian yang menggalakkan dengan lebih 1000 penuntut berdaftar dalam program perakuan kewangan Islam profesionalnya. INCEIF juga mempunyai 28 penuntut doktor falsafah dan baru-baru ini melancarkan Program Sarjana Kewangan Islam. Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM) turut menawarkan program latihan modular yang berstruktur bagi penasihat Syariah, dengan tumpuan pada aspek praktikal dan operasi perbankan dan takaful Islam[2].

Memandangkan pentingnya penyelidikan Syariah yang mendalam dalam bidang kewangan Islam, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy, ISRA) baru-baru ini ditubuhkan sebagai sebahagian daripada INCEIF untuk membuat penyelidikan Syariah gunaan berkaitan isu-isu kewangan Islam semasa. Strategi ketiga adalah dengan menyediakan platform yang menggalakkan perbincangan dan dialog aktif dalam kalangan pihak berkepentingan yang relevan. Dialog Syariah tahunan di peringkat antarabangsa dan serantau turut menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam tentang pandangan yang berbeza mengenai hal-hal kewangan Islam dan meningkatkan rasa saling menghormati terhadap pendapat Syariah.

Kesimpulan

Berlatarbelakangkan ketidakpastian dalam persekitaran global, sistem kewangan Islam berada pada kedudukan yang teguh sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan dalam persekitaran yang kian mencabar. Dalam tahun-tahun yang akan datang, tumpuan yang cukup harus diberi kepada pelaksanaan piawai kehematan antarabangsa dan amalan pengurusan risiko yang teguh dalam institusi kewangan Islam bagi memastikan kestabilan dan integriti sistem kewangan. Langkah memupuk sikap saling menghormati pandangan Syariah global terhadap kewangan Islam turut menyumbang kepada pembangunan kewangan Islam global yang teratur. Ini diharapkan dapat mengekalkan daya tahan dan keteguhan keseluruhan sistem kewangan Islam bagi menjadi komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa.

[1] Banyak yang dapat dipelajari daripada kisah-kisah kejayaan lampau dalam sejarah Usul al-Fiqh iaitu sikap saling menghormati yang kuat diamalkan dengan meluas dalam kalangan fuqaha yang mempunyai kepelbagaian pendapat Syariah. Fuqaha daripada mazhab yang berbeza ini memandang tinggi pendapat fuqaha lain meskipun dalam urusan ibadah.

[2] "Program Induksi Cendekiawan Syariah" IBFIM.

Simposium Tandatangan Digital Mudah Alih 2008: "Ke arah Sistem Pembayaran Yang Lebih Cekap: Pembayaran Elektronik" Kuala Lumpur, 3 Jun 2008

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia

Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana berpeluang hadir di sini pada hari ini di Simposium Tandatangan Digital Mudah Alih 2008 untuk berucap di forum yang penting ini. Forum ini dianjurkan sewaktu perkembangan dalam ekonomi global telah menyebabkan berlakunya perubahan yang sangat penting dalam kehidupan kita semua. Meskipun ekonomi global telah meraih manfaat daripada tempoh prestasi tinggi dan pertumbuhan kukuh yang berlarutan, ia kini memerlukan ketangkasan yang lebih tinggi bersesuaian dengan perubahan pesat yang telah berlaku. Fenomena antarabangsa utama yang baru muncul ialah tekanan inflasi yang makin meningkat.

Kita kini berada dalam persekitaran kenaikan harga, dengan harga tenaga dan komoditi semasa berada pada paras tertinggi. Kenaikan mendadak harga tenaga dan komoditi telah didorong oleh faktor permintaan dan penawaran serta diperkukuh oleh keadaan pasaran. Ternyata, faktor global yang mempengaruhi harga antarabangsa ini memang di luar kawalan kita. Oleh itu, secara individu dan berkumpulan, kita perlu menyesuaikan diri dan mengadaptasi dengan perubahan yang sedang berlaku ini. Peningkatan kecekapan dan penerapan proses perniagaan baharu perlu diteroka bagi mengurangkan kos.

Penggunaan kaedah pembayaran yang lebih mudah dan cekap merupakan perubahan besar yang boleh dilaksanakan, khususnya oleh ekonomi sedang pesat membangun, bagi meningkatkan kecekapan mereka dengan ketara, seterusnya mengurangkan kos. Inilah tajuk ucapan saya pada hari ini. Meskipun Bank Negara Malaysia berperanan membekalkan wang kertas dan syiling, kami juga mementingkan pembayaran dalam konteks yang lebih luas. Salah satu fungsi dan tanggungjawab penting Bank Negara Malaysia adalah menggalakkan pembangunan sistem pembayaran yang selamat dan cekap. Sebarang ketidakmampuan untuk membuat pembayaran dalam sesebuah ekonomi, akan memberikan kesan yang mendalam dan meluas terhadap masyarakat. Lantaran itu, tugas kami adalah untuk memastikan orang ramai dan para peniaga dapat membuat pembayaran secara selamat dan cekap.

Tanggungjawab ini turut melibatkan pemanfaatan gelombang teknologi dan inovasi dan bergerak maju ke arah kaedah pembayaran yang lebih cekap. Manfaat ekonomi yang bakal diraih oleh langkah ini pastinya sangat besar. Kajian telah menunjukkan bahawa peralihan daripada sistem pembayaran berasaskan kertas kepada pembayaran berasaskan elektronik dapat menjana penjimatan tahunan sehingga 1% daripada KDNK. Penyelidikan selanjutnya turut menunjukkan bahawa langkah ini dapat menjadi pemangkin bagi menggalakkan peningkatan perbelanjaan penggunaan. Tambahan lagi, akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua lapisan masyarakat juga dapat dipertingkatkan dengan memperluas perkhidmatan kewangan kepada golongan masyarakat yang masih belum menggunakan perkhidmatan perbankan. Dengan demikian, golongan tersebut dapat menyertai sistem kewangan formal dan arus perdana ekonomi. Ini bukan hanya sekadar menggalakkan kumpulan sasaran ini untuk membuka akaun bank malah juga membolehkan mereka menikmati kos perkhidmatan kewangan yang lebih rendah dan kaedah simpanan wang yang lebih baik, sekali gus memanfaatkan ekonomi secara keseluruhannya. Apabila saluran pembayaran elektronik lebih mudah diakses,

mesra pengguna dan ditawarkan pada kos yang rendah, ini akan membuka peluang untuk mengalih cara pengiriman wang daripada saluran tidak formal kepada saluran formal.

Pembayaran elektronik sememangnya dapat memainkan peranan sebagai salah satu alat strategik untuk memenuhi matlamat ini dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Pembayaran elektronik menambah kecekapan kendalian dan meningkatkan tahap produktiviti melalui pembayaran dan penerimaan dana yang lebih mudah dan cepat. Pembayaran elektronik juga membolehkan pembayaran dibuat dari mana-mana tempat dan pada bila-bila masa dengan cepat dan mudah. Kos juga dapat dikurangkan dengan mengurangkan atau menyusun semula penggunaan sumber yang perlu untuk mengendalikan wang tunai dan cek. Oleh itu, sebahagian daripada agenda Malaysia yang lebih besar adalah untuk mempercepat perpindahan negara kepada pembayaran elektronik bagi meningkatkan kecekapan sistem pembayaran negara yang akan dapat memperkukuh daya saing ekonomi kita.

Pembayaran secara tunai di Malaysia masih merupakan sejumlah besar bilangan urus niaga dalam ekonomi. Pada masa akan datang, penggunaannya dijangka berkurang dengan bertambahnya penggunaan kaedah pembayaran elektronik. Kad kredit, kad ATM, kad debit, termasuk aplikasi wang elektronik yang terkandung dalam MyKad adalah antara kemungkinan penggunaan pembayaran kad di Malaysia. Penggunaan kad yang kian bertambah merupakan trend antarabangsa dan dijangka menjadi semakin penting di Malaysia. Penggunaan pindahan Giro, khidmat pindahan kredit lain dan debit juga semakin meningkat dalam kalangan individu serta perniagaan. Akhir sekali, perbankan Internet turut mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh.

Banyak kejayaan telah dicapai dalam usaha menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik dengan pertumbuhan yang ketara dicatat dalam semua kaedah pembayaran elektronik. Namun begitu, pembayaran berasaskan kertas terus menjadi bentuk pembayaran yang lebih digemari. Cek terus mencakupi peratusan yang tinggi bagi jumlah pembayaran runcit bukan tunai manakala wang dalam edaran (*currency-in-circulation*, CIC) sebagai peratusan KDNK secara relatif kekal tinggi pada kadar 5.7%. Pada tahun 2006, pengguna Malaysia secara purata hanya membuat 0.7 urus niaga melalui debit terus dan pindahan kredit dan 0.2 urus niaga melalui urus niaga kad debit berbanding dengan 84.7 dan 109.5 urus niaga masing-masing di Sweden. Oleh itu, banyak lagi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap penggunaan pembayaran elektronik.

Dalam hal ini, Bank telah merumuskan Hala Tuju Pembayaran Elektronik yang bertujuan melibatkan pihak berkepentingan yang berkenaan, untuk menangani halangan peningkatan penggunaan pembayaran elektronik dengan cara yang komprehensif dan strategik. Hala tuju ini mengenal pasti bidang utama yang memerlukan perhatian dan kerjasama untuk memupuk persekitaran yang kondusif bagi penggunaan pembayaran elektronik dalam urus niaga kewangan dengan lebih meluas.

Pertama, infrastruktur pembayaran harus diwujudkan. Infrastruktur pembayaran harus diperluas dan dipertingkatkan untuk memberikan akses yang mudah kepada pembayaran elektronik. Di samping itu, penyelesaian perlu dihasilkan untuk membolehkan pengguna mengintegrasikan pelbagai cara pembayaran dengan mudah. Kedua, rangkaian produk, iaitu rangkaian perkhidmatan perlu diperluas untuk memenuhi keperluan pembayaran pengguna dan sektor perniagaan yang berbeza. Ketiga, rangka kerja penentuan harga, iaitu perumusan rangka kerja penentuan harga yang telus dan berkesan kos amat penting untuk memberikan struktur insentif yang akan merangsang penggunaan pembayaran elektronik. Keempat ialah kesedaran pengguna. Program perlu dilaksanakan untuk memupuk perubahan tingkah laku dalam kalangan pengguna. Kepercayaan dan keyakinan perlu diwujudkan dalam sistem pembayaran elektronik. Kelima pula berhubung dengan isu piawai (standard).

Penetapan satu piawai yang seragam untuk menangani kesalingkendalian sistem termasuk menyeragamkan format mesej pembayaran adalah penting supaya pembayaran elektronik diterima dengan lebih meluas. Akhirnya, keperluan untuk memastikan keselamatan dan keutuhan sistem pembayaran, menghendaki diwujudkan rangka kerja pengawalseliaan dan perundangan sokongan.

Peranan kepemimpinan Kerajaan dalam perpindahan kepada kaedah pembayaran elektronik adalah antara beberapa siri inisiatif yang telah dilaksanakan untuk menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik yang lebih meluas. Memandangkan kebanyakan individu dan perniagaan mempunyai urus niaga pembayaran dengan Kerajaan, peranan Kerajaan dalam menerima pembayaran elektronik telah menjadi pemangkin penting bagi penggunaan pembayaran elektronik pada peringkat kebangsaan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah mengadakan kerjasama yang erat dengan Kerajaan untuk memacu agenda pembayaran elektronik. Langkah ini turut memperkukuh matlamat Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian awam. Kerjasama ini telah menghasilkan penerimaan penggunaan kad termasuk kad ATM, yang juga berfungsi sebagai kad debit, bagi perkhidmatan di kaunter dan penawaran perkhidmatan pembayaran melalui perbankan Internet dan sistem pembayaran Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX) berasaskan Internet.

Satu lagi inisiatif yang diambil ialah kajian semula rangka kerja pengawalseliaan pengiriman wang dan wang elektronik untuk menggalakkan pengenalan produk pembayaran yang dapat memenuhi keperluan masyarakat yang tidak menggunakan dan tidak diberikan perkhidmatan perbankan seperti pekerja penghijrah dan pengguna berpendapatan rendah serta mereka yang kurang celik kewangan yang tidak mempunyai pilihan kecuali bergantung pada penyedia perkhidmatan pembayaran tidak formal. Kini terdapat lebih 20 produk pengiriman wang dan pembayaran mudah alih baharu yang telah dilancarkan.

Bank sudah pun berbincang dengan pihak berkepentingan yang berkenaan tentang bidang keutamaan yang dikenal pasti dan mengalu-alukan sebarang usaha selanjutnya daripada pihak industri untuk menangani isu-isu ini. Memandangkan manfaat yang ketara diperoleh daripada penggunaan teknologi berkos rendah dalam meningkatkan penggunaan pembayaran elektronik, telefon mudah alih telah dikenal pasti sebagai salah satu saluran penyampaian yang harus dimanfaatkan.

Potensi telefon mudah alih untuk merealisasikan tranformasi

Bank Negara Malaysia berkeyakinan rangkaian telekomunikasi mudah alih mempunyai potensi besar sebagai saluran pembayaran elektronik kerana telefon mudah alih dimiliki oleh sebahagian besar rakyat Malaysia, dengan 88% rakyat Malaysia melanggan perkhidmatan telefon mudah alih.

Kadar penembusan yang tinggi mengesahkan bahawa rangkaian telefon mudah alih sebagai saluran yang kian popular bagi rakyat Malaysia untuk melakukan pelbagai aktiviti. Aktiviti ini bukan sekadar komunikasi suara, tetapi merangkumi semua bentuk komunikasi digital, perdagangan, perbankan dan pembayaran. Malah, pembayaran melalui pesanan teks berpotensi untuk berkembang pesat.

Dengan adanya 25 juta pelanggan telefon mudah alih di Malaysia, peluang memang terbuka luas untuk memanfaatkan telefon mudah alih bagi mempercepat peralihan kepada pembayaran elektronik, meluaskan jangkauan dan tarikan perkhidmatan pembayaran elektronik, menyampaikan produk pembayaran mudah alih inovatif yang cepat, mudah dan senang pada kos minimum untuk orang ramai, serta menyediakan cara yang cekap dan berkesan kos untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan meskipun di kawasan terpencil. Tahap akses kepada kewangan yang tinggi bagi semua pihak di Malaysia juga penting. Dengan penduduk yang mencecah 27 juta orang, sistem perbankan di Malaysia mempunyai 55 juta akaun deposit, yang menunjukkan

peratusan tinggi rakyat mempunyai akaun deposit dengan sistem perbankan. Ini disahkan oleh kaji selidik dengan sampel sebanyak 5,000 orang pada tahun 2003, yang menunjukkan bahawa 97% daripada mereka yang ditinjau mempunyai akaun bank. Peranan dominan simpanan turut disahkan oleh peratusan deposit kepada KDNK yang agak tinggi pada tahap 152%.

Peratusan tinggi pelanggan telefon mudah alih dan kadar penyertaan penduduk yang tinggi dalam sistem perbankan merupakan prasyarat penting bagi penggunaan telefon mudah alih secara meluas sebagai platform yang ideal bagi pembayaran peribadi. Malah, jumlah pelanggan telefon mudah alih yang besar dan kesan transformasi perbankan dan pembayaran mudah alih yang positif menawarkan peluang unik untuk membuka sistem kewangan kepada lebih ramai pelanggan dan komuniti bagi menyediakan akses kepada kewangan bagi semua lapisan masyarakat kita.

Berlatarbelakangkan keadaan pasaran yang menggalakkan, pelbagai inisiatif perbankan dan pembayaran mudah alih telah dilancarkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Namun, kaedah ini belum lagi mendapat sambutan secara meluas. Hingga kini, hanya terdapat 460,000 pelanggan bagi perkhidmatan perbankan dan pembayaran mudah alih. Ini hanya mencakupi 1.8% daripada 25 juta pelanggan telefon mudah alih di negara ini. Lantaran itu, masih ada pasaran besar yang belum diterokai, dan berpotensi menjana keuntungan yang tinggi bagi perkhidmatan pembayaran dan perbankan mudah alih.

Mendorong saluran mudah alih melampaui tahap tertinggi pembangunan

Terdapat isu-isu asas yang perlu ditangani sekiranya kita ingin merealisasikan peluang yang ada dan membolehkan Malaysia memanfaatkan sepenuhnya teknologi mudah alih baharu. Untuk mencapai potensi maksimum, adalah penting untuk mengenal pasti kelemahan perkhidmatan yang ditawarkan, dan merancang masa hadapan bagi Malaysia membuat perubahan besar dalam penggunaan pembayaran elektronik. Peserta pasaran harus menangani ketidakpadanan antara apa yang diharapkan oleh pengguna dan apa yang ditawarkan. Sikap terbuka dan kesalinghubungan juga penting dalam inisiatif perbankan dan pembayaran mudah alih. Perkhidmatan eksklusif dan empunya, yang pasaran sasarannya terbatas kepada jumlah pelanggan pengendali mudah alih individu atau bank individu sahaja akan menyekat potensi ini. Sebarang kekurangan kesalingkendalian dalam kalangan pengendali mudah alih dan bank akan menyebabkan jumlah besar yang diperlukan tidak tercapai dan juga kos urus niaga yang tinggi bagi pengguna.

Peserta pasaran diharapkan dapat menawarkan produk dan perkhidmatan pembayaran mudah alih baharu dan berinovatif yang membuka pasaran baharu bagi penyedia perkhidmatan mudah alih dan pengendali pembayaran, menawarkan kemudahan pada kos yang berpatutan dan seterusnya memberikan penjimatan kos dan faedah kecekapan yang diharapkan oleh pengguna dan perniagaan. Dengan itu, manfaat ekonomi dapat direalisasikan.

Kerjasama antara pemain industri juga harus dipupuk. Bidang yang amat memerlukan perhatian bagi peserta industri ialah memberikan tumpuan pada gambaran keseluruhan dan menganggap telefon mudah alih sebagai satu mekanisme bagi mencapai matlamat yang sama. Untuk menggalakkan bertambahnya penggunaan telefon mudah alih bagi perkhidmatan kewangan, industri perlu bertindak dengan pantas bagi menangani keperluan kesalingkendalian, dan bekerjasama dalam membangunkan infrastruktur yang sama, format pesanan pembayaran yang sama di samping piawai keselamatan dan pengesahan yang sama. Piawai dan infrastruktur yang sama akan mewujudkan ekosistem pembayaran yang mudah diakses, terbuka dan memberangsangkan. Ini akan menarik jumlah pelanggan yang lebih meluas

dan seterusnya membolehkan kesemua peserta pasaran mendapat faedah daripada jumlah pelanggan yang lebih besar. Perkongsian rangkaian bersepadu yang mempunyai piawai keselamatan dan piawai pesanan yang sama akan membolehkan pengguna, pedagang dan penyedia perkhidmatan menjalankan dan menerima pembayaran dengan lebih mudah, senang dan berkesan kos. Ini dapat menambah daya tarikan rangkaian mudah alih sebagai suatu saluran pembayaran. Kerjasama sedemikian juga akan menghasilkan lebih banyak inovasi dan peningkatan produktiviti yang akan menyumbang kepada keberkesanan dan prestasi sistem pembayaran mudah alih keseluruhannya.

Dalam menyediakan produk yang mempunyai permintaan pasaran, pelaburan yang besar perlu dibuat oleh peserta dalam ekosistem mudah alih: pengendali mudah alih, institusi perbankan, pengilang peranti mudah alih, dan penyedia perkhidmatan pembayaran. Peranan pihak berkepentingan juga sama penting untuk memastikan pelaburan disalurkan dengan bijak dalam bidang yang menghasilkan impak paling ketara. Kerjasama yang lebih mantap dalam bidang-bidang utama akan mengurangkan pertindihan dan mencapai kecekapan sumber yang lebih tinggi. Dalam hal ini, pilihan pembayaran oleh pelanggan perlu difahami sepenuhnya. Tawaran produk perlu memenuhi harapan pelanggan perkhidmatan pembayaran, yang semakin bijak dan canggih. Kerjasama juga perlu dijalin dalam bidang pendidikan dan program jangkauan untuk menambah kesedaran pengguna dan keyakinan orang ramai dalam pembayaran mudah alih.

Ketiga, pengawal selia dan peserta pasaran juga perlu mempunyai wawasan yang sama tentang landskap pembayaran mudah alih masa hadapan. Dengan cara ini, strategi dan kepentingan dapat dijajarkan bagi mencapai penyelesaian yang holistik bagi pembayaran mudah alih yang akan memperluas akses kepada sistem pembayaran runcit dan dengan itu mencapai jumlah pengguna yang besar. Eksternaliti rangkaian dan manfaat sosial, penggunaan secara meluas perbankan mudah alih dan sistem pembayaran, memberikan justifikasi untuk campur tangan Kerajaan. Bank bersama-sama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan bekerjasama bagi menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembangunan ekonomi dan memangkinkan transformasi bagi inisiatif mudah alih. Langkah ini termasuk mengadakan perbincangan dengan peserta pasaran, penyedia perkhidmatan pembayaran dan peserta industri untuk bekerjasama dalam bidang-bidang penting ini.

Akhirnya, kejayaan dan penerimaan meluas produk pembayaran mudah alih memerlukan keyakinan pengguna yang kukuh terhadap keselamatan dan kebolehpercayaan rangkaian mudah alih sebagai satu cara untuk pengguna mengakses perkhidmatan kewangan. Sesungguhnya, tandatangan digital mudah alih yang memastikan kerahsiaan, kesahihan dan integriti pembayaran melalui telefon mudah alih merupakan salah satu langkah ke arah membina infrastruktur mudah alih yang selamat, yang sesuai bagi penyampaian perkhidmatan kewangan.

Kesimpulan

Kini, kita beroperasi dalam persekitaran yang memerlukan kita berusaha lebih, dengan sumber yang terhad. Perkara yang ingin saya tekankan pada pagi ini ialah, bagi mencapai matlamat ini, kita perlu belajar untuk bekerja bersama-sama. Kita mesti berganding bahu untuk memutuskan bagaimana kerjasama ini boleh dibentuk. Saya percaya simposium ini akan menyumbang ke arah pencapaian matlamat ini. Saya juga berharap hasil perbincangan para peserta dalam simposium ini akan memberikan input yang berharga dalam merumuskan strategi dan modaliti bagi industri dan pihak berkuasa. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia kerana memberi saya peluang untuk berkongsi pendapat tentang pembayaran elektronik.

Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia ke 12 Anjuran ASLI: "Mengorak Langkah dalam Anjakan Paradigma Perbankan – Gelombang Baharu, Penerokaan Baharu" Kuala Lumpur, 5 Jun 2008

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia

Dalam dekad mutakhir ini, kita telah melihat proses pemodenan yang pesat dalam sektor perbankan Malaysia. Hari ini, sektor perbankan telah berkembang daripada berperanan sebagai pemudah cara dan penggalak proses pertumbuhan ekonomi kepada penjana sumber pertumbuhan ekonomi yang penting. Inovasi dan perintisan produk telah merangsang kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Penerapan amalan perniagaan terbaik, penggunaan teknologi baharu, jualan silang yang sistematik dan kaedah baharu dalam berurusan dengan pengguna telah menjadi lebih menyeluruh. Sistem perbankan juga menjadi lebih penting, diperkukuh oleh struktur keinstitusian yang teguh, jaringan keselamatan kewangan yang lebih mantap dan pasaran kewangan yang maju, termasuk salah sebuah pasaran bon yang termaju di rantau ini. Penyahkawalseliaan dan liberalisasi secara berperingkat telah meningkatkan kefleksibelan institusi perbankan untuk merebut peluang perniagaan baharu, baik di dalam mahupun di luar negeri. Insentif yang lebih menggalakkan dan persekitaran yang lebih kompetitif juga mempercepat peningkatan prestasi yang berterusan. Sesungguhnya, perkembangan ini telah mengukuhkan sektor perbankan untuk mengorak langkah pada masa hadapan.

Saya berasa sukacita untuk berada di sini pagi ini untuk berucap pada Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia pada tahun ini yang memberikan tumpuan pada tema, iaitu gelombang seterusnya sistem perbankan di Malaysia. Ucapan saya pada hari ini akan tertumpu pada tiga bidang - pertama, tentang prospek ekonomi Malaysia berikutan perkembangan yang berlaku dalam persekitaran ekonomi dalam negeri dan antarabangsa. Kedua, saya akan membincangkan beberapa pengajaran utama yang boleh diambil daripada kegawatan dalam pasaran kredit baru-baru ini dan implikasinya terhadap sistem perbankan Malaysia. Akhir sekali, saya ingin mengambil peluang pada kesempatan ini untuk berkongsi mengenai visi kami untuk sektor kewangan yang melangkaui Pelan Induk Sektor Kewangan semasa dan teras strategi kami dalam melangkah ke hadapan.

Ekonomi Malaysia kini berhadapan dengan tempoh yang lebih mencabar setelah mencatat pertumbuhan yang kukuh untuk beberapa tahun berturut-turut pada purata 6%. Ekonomi berkembang 6.3% pada tahun 2007, kadar pertumbuhan yang paling pantas dalam tempoh tiga tahun dengan momentum pertumbuhan berterusan hingga separuh pertama tahun 2008. Pada suku pertama tahun ini, ekonomi telah berkembang 7.1%.

Pertumbuhan yang kukuh ini dicapai meskipun dalam persekitaran yang lebih sukar dengan pertumbuhan global yang lebih perlahan dan ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan antarabangsa. Kejayaan transformasi ekonomi Malaysia dalam dekad mutakhir ini merupakan salah satu faktor penyumbang yang penting. Kejayaan ini telah menghasilkan sumber pertumbuhan yang lebih pelbagai sekali gus menjana ekonomi yang lebih seimbang. Sementara sektor luar negeri terus menjadi penting, permintaan dalam negeri kini memainkan peranan yang lebih besar dalam memacu proses pertumbuhan. Di samping itu, sektor perkhidmatan telah menjadi sumber pertumbuhan yang lebih penting. Sektor pertanian pula terus berkembang ketika Malaysia mendapat manfaat daripada harga

komoditi yang tinggi. Perkembangan ini terus mengekalkan imbangan luar negeri dengan akaun semasa imbangan pembayaran dijangka terus mencatat lebihan yang besar.

Melangkah ke hadapan, dalam tempoh 12 hingga 18 bulan yang akan datang, beberapa perkembangan luar dan dalam negeri perlu diambil kira dalam membuat penilaian terhadap ekonomi negara. Pertama, kelembapan yang dialami dalam beberapa ekonomi utama dijangka berterusan sehingga tahun 2009. Tempoh kelembapan yang berlanjutan ini dijangka memberikan kesan buruk terhadap ekonomi lain termasuk ekonomi sedang pesat membangun. Pasaran kewangan global juga dijangka berada dalam keadaan tidak menentu disebabkan oleh tekanan kewangan yang dialami oleh institusi kewangan dalam ekonomi-ekonomi ini terus memberikan kesan terhadap keadaan kredit, pasaran perumahan dan ekonomi-ekonomi tersebut secara keseluruhannya. Perkembangan ini mengakibatkan beberapa institusi mengecilkan saiz operasi global mereka. Malahan, gangguan dalam pasaran kredit telah sedikit sebanyak membataskan aktiviti ekonomi. Walaupun pelarasan sedang dalam pelaksanaan, masih terdapat ketidakpastian mengenai jumlah kerugian sepenuhnya dan kesannya terhadap kestabilan kewangan dan seterusnya terhadap ekonomi secara keseluruhan.

Di sebalik perkembangan ini, terdapat petanda yang menunjukkan pertumbuhan di rantau Asia akan kekal berdaya tahan hasil daripada permintaan dalam negeri yang kukuh dan aktiviti perdagangan dalam rantau serta dengan pasaran bukan tradisional yang meningkat. Namun begitu, tahap integrasi rantau ini dengan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa masih pada tahap tinggi dan dengan itu, risiko penyederhanaan dalam pertumbuhan global perlu ditangani sekiranya berlaku kelembapan yang lebih ketara dalam ekonomi – ekonomi maju yang utama.

Risiko ini terjejas lagi oleh kenaikan harga tenaga dan komoditi yang tinggi dan semakin meningkat, yang memberikan kesan inflasi di kebanyakan negara pada masa ini. Permintaan yang lebih kukuh terhadap bijirin, peralihan penggunaan tanah daripada tanaman makanan kepada tanaman biobahan api, kos pengangkutan yang tinggi dan keadaan cuaca buruk merupakan beberapa faktor yang mendorong kenaikan harga makanan. Akibatnya, tekanan kos yang makin meningkat terhadap inflasi ekonomi global dijangka berterusan. Walau bagaimanapun, jika pertumbuhan global terus menjadi sederhana sehingga separuh pertama tahun 2008, keadaan ini dijangka dapat memperlahankan kadar kenaikan harga tenaga dan makanan, sekali gus akan menyederhanakan tekanan inflasi yang sedang dialami pada masa ini.

Beberapa faktor dalam negeri telah mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia, dan ini menunjukkan bahawa permintaan luar negeri setakat ini telah menyebabkan hanya penyederhanaan yang kecil terhadap pertumbuhan keseluruhan. Ini disebabkan kekuatan asas ekonomi telah berupaya mengekalkan daya tahan proses pertumbuhan. Keadaan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh yang menjadi pemacu utama pertumbuhan. Pertumbuhan kukuh yang dicapai sehingga kini adalah hasil daripada perkembangan yang menggalakkan dalam perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta.

Struktur ekonomi Malaysia juga lebih pelbagai dengan sumbangan kepada pertumbuhan meningkat daripada sektor perkhidmatan, pertanian dan komoditi serta industri berasaskan sumber dan yang didorong oleh pengetahuan. Malaysia juga merupakan sebahagian daripada usaha integrasi serantau yang sedang berlaku. Hari ini, kira-kira 63% daripada eksport negara adalah ke negara-negara di rantau Asia. Usaha juga sedang dijalankan untuk memperkukuh hubungan perdagangan dengan pasaran bukan tradisional lain di Asia Barat dan Timur Tengah dan usaha ini telah menunjukkan hasil yang positif. Hubungan perdagangan ini juga diperkukuh oleh peningkatan aliran pelaburan dalam rantau dan antara rantau. Aliran masuk pelaburan langsung asing ke Malaysia terus mapan manakala pelaburan Malaysia ke luar negara makin meningkat, khususnya dalam rantau ini.

Akhir sekali, faktor penting yang menyokong daya tahan ekonomi dalam tempoh yang mencabar ini ialah asas-asas makroekonomi yang teguh, rizab antarabangsa yang tinggi dan keupayaan untuk melaksanakan rangsangan dasar bagi menguruskan risiko terhadap pertumbuhan. Ekonomi juga disokong oleh keadaan pembiayaan yang menggalakkan dan sistem perbankan yang lebih kukuh. Mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam persekitaran kadar faedah yang secara relatif rendah dan pinjaman tak berbayar yang menurun telah mengekalkan akses kepada pembiayaan bagi sektor swasta.

Isu penting yang boleh dibahaskan pada hari ini ialah sejauh mana pelarasan harga yang diumumkan semalam memberikan kesan kepada ekonomi. Sehubungan dengan isu ini juga ialah sejauh mana inflasi akan meningkat dan sama ada ia akan mendatangkan kesan terhadap daya saing negara. Kefleksibelan ekonomi Malaysia merupakan kunci untuk menangani risiko ini. Dalam sejarah ekonomi negara, Malaysia mempunyai rekod yang cemerlang sejak beberapa dekad dalam menghadapi tempoh yang sukar dengan jayanya. Setiap kali berhadapan dengan keadaan yang sukar, kefleksibelan ekonomi, ketangkasan sektor swasta untuk menyesuaikan diri di samping tindak balas dasar telah membolehkan ekonomi menjadi lebih kukuh. Ini telah diperlihatkan ketika berlakunya krisis kewangan Asia, iaitu dalam tempoh satu tahun sahaja, ekonomi mula mencatat pertumbuhan, berkembang 6.1% pada tahun 1999 dan 8.9% pada tahun 2000.

Keadaan sekarang tidaklah sehebat ancaman yang berlaku pada masa lalu. Sekiranya semua sektor ekonomi diuruskan dengan baik, ekonomi akan muncul dengan lebih kukuh dan kompetitif. Ini memerlukan usaha bersepadu oleh kedua-dua sektor swasta dan awam untuk menjadi lebih efisien dan sekali gus mengurangkan kos. Hal ini juga memerlukan peralihan sumber kepada bidang pertumbuhan baharu yang Malaysia mempunyai kelebihan bersaingan. Dengan kecenderungan terhadap kesungguhan bekerja dan amalan yang berhemat, di samping kebolehan untuk mencipta semula, impian ini akan dapat direalisasikan. Sektor kewangan telah pun mencapai kejayaan yang besar dan kini telah berubah menjadi satu sektor ekonomi yang menjana pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan mencakupi 11% daripada ekonomi negara berbanding dengan hanya 4.5% pada tahun 1990.

Tekanan inflasi yang kian meningkat pada masa ini ialah fenomena global yang berpunca daripada kenaikan harga komoditi dan tenaga antarabangsa. Di Malaysia, inflasi dalam negeri telah meningkat daripada kurang 1% pada bulan April 2004 kepada 3% pada bulan April 2008 terutamanya mencerminkan harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi. Penilaian awal Bank Negara Malaysia mengenai kesan perasionalan harga minyak dan tenaga dalam negeri terhadap inflasi pada tahun 2008 menunjukkan inflasi akan meningkat pada kadar purata 4.2% bagi keseluruhan tahun ini. Kesan awal harga ini akan dirasai pada bulan Jun dengan kadar inflasi dijangka meningkat sekitar 5%. Kenaikan harga dijangka memuncak pada suku pertama tahun 2009 sebelum menjadi sederhana kepada kurang daripada 3% pada suku keempat.

Memandangkan harga komoditi antarabangsa dijangka terus kekal pada tahap yang tinggi dan pengaruh langsung terhadap kadar harga ini adalah terhad, usaha perlu ditumpukan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti bagi mengurangkan kos dan menyalurkan sumber kepada bidang-bidang yang mempunyai kelebihan berbanding. Dari perspektif dasar monetari pula, perhatian perlu diberikan pada potensi kesan kenaikan harga pusingan kedua ini, iaitu tahap kenaikan yang membawa kepada kenaikan harga yang lebih menyeluruh, dan sama ada kesan ini memberikan risiko yang serius terhadap jangkaan inflasi.

Perlu diingat bahawa tekanan inflasi semasa merupakan fenomena global, dan banyak rakan dagangan serta negara jiran menghadapi kadar inflasi yang serupa atau lebih tinggi. Berdasarkan fakta ini, peningkatan kadar inflasi tidak akan menjejaskan kelebihan berbanding Malaysia dalam perdagangan global.

Pengalaman menghadapi kegawatan kewangan antarabangsa pada masa ini memperlihatkan kerapuhan sistem kewangan meskipun dalam kalangan ekonomi maju. Hal ini telah mengetengahkan isu utama berkenaan pengantaraan kewangan, inovasi kewangan dan mekanisme pengawalseliaan dan pengawasan yang sesuai, yang perlu diwujudkan untuk pengawasan yang sewajarnya terhadap aktiviti tersebut. Walaupun sistem kewangan dalam negeri tidak terjejas oleh krisis subprima, punca krisis tersebut memberikan pengajaran penting untuk Malaysia, dan sudah tentu juga bagi ekonomi sedang pesat membangun lain, memandangkan kuasa globalisasi terus memacu pemodenan sistem kewangan negara.

Pertama, kombinasi ketidaksejajaran sistem insentif, persekitaran makroekonomi yang menggalakkan dan persaingan yang bertambah sengit mendorong pengambilan risiko secara berlebihan oleh institusi kewangan. Dalam keadaan yang wujud sebelum krisis semasa ini, inovasi kewangan telah berlaku dengan kadar yang lebih cepat daripada keupayaan sistem kewangan untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan inovasi tersebut. Sememangnya, salah satu kelemahan utama ialah amalan-amalan yang baik yang semakin berkurang dalam segmen pasaran gadai janji, apabila bank-bank berkompromi mengenai piawai penajajaminan serta amalan pengurusan risiko yang baik semata-mata mengejar keuntungan jangka pendek dan penguasaan pasaran. Meskipun institusi perbankan telah meningkatkan penggunaan teknik kewangan yang canggih untuk mempakejkan semula gadai janji menjadi sekuriti berstruktur yang kompleks, inovasi kewangan sedemikian tidak disokong oleh penambahbaikan dalam proses tadbir urus dan infrastruktur dan amalan pengurusan risiko yang seimbang. Ini mengakibatkan risiko yang ditanggung oleh institusi kewangan dianggarkan kurang dengan ketara dan dengan itu, menyebabkan anggaran berlebihan modal penimbal dalam sistem kewangan.

Kedua, krisis dalam pasaran kewangan dan kredit telah mengalihkan semula perhatian dan perdebatan tentang sistem kewangan yang mudah terjejas oleh kegagalan pasaran. Sememangnya, krisis ini telah mendedahkan kelemahan yang ketara mengenai tahap dan kaedah penzahiran oleh institusi kewangan kepada orang ramai berkenaan pendedahan risiko di dalam dan luar rekod kewangan. Sementara itu, para pelabur terlalu bergantung pada penarafan kredit yang berdasarkan metodologi yang tidak cukup mantap atau kurang telus mengenai parameter penarafan. Akibatnya, disiplin pasaran tidak berlaku seperti yang dijangkakan, manakala pihak pengawal selia yang mengharapkan tindak balas daripada disiplin pasaran tidak mengambil langkah lebih awal bagi menambah disiplin pasaran yang diperlukan.

Yang ketiga, perkembangan dalam rangka kerja pengawalseliaan, perakaunan dan pengawasan makro, tidak menjangka atau bersedia untuk berhadapan dengan kesalinghubungan yang kompleks dalam sistem kewangan moden. Bukti yang paling ketara daripada situasi ini adalah apabila berlakunya penurunan berskala besar dalam penilaian aset akibat daripada peraturan perakaunan yang meningkatkan pengelakan risiko, sekali gus mengehadkan mudah tunai pasaran, lantas melanjutkan kitaran tidak baik. Secara global, episod-episod krisis kewangan sekali lagi telah menunjukkan bahawa risiko pasaran, kredit dan operasi amat berhubung kait.

Pengalaman ini telah menunjukkan betapa pentingnya tadbir urus yang baik, pengurusan risiko yang mantap, penyeliaan yang bersungguh-sungguh dan rangka kerja pengurusan krisis yang kukuh supaya lebih bersedia untuk bertahan dalam keadaan pasaran yang melampau.

Sektor perbankan Malaysia pada keseluruhannya kukuh. Institusi perbankan dalam negeri, khususnya, telah mendapat manfaat daripada langkah-langkah pembaharuan dan bina upaya yang meluas yang telah dilaksanakan ekoran krisis kewangan Asia. Yang ketara, penggabungan sektor perbankan, fungsi pengawasan lembaga pengarah dan pengurusan kanan yang lebih mantap dalam bank, dan keperluan

modal yang lebih sensitif kepada risiko serta ujian ketahanan telah menyumbang ke arah pengukuhan dasar asas bagi membentuk satu sistem perbankan yang lebih berdaya tahan. Kemajuan yang besar juga telah dicapai oleh institusi perbankan dalam penerapan infrastruktur dan amalan pengurusan risiko yang lebih baik.

Hari ini, hasil daripada usaha-usaha ini dapat dilihat dengan jelas. Sektor perbankan telah mengekalkan momentum pertumbuhan yang mapan sejak krisis kewangan Asia, dengan keberuntungan sistem perbankan Malaysia meningkat 36.7% kepada RM17.7 bilion pada tahun 2007. Keterdedahan sektor perbankan Malaysia kepada pasaran subprima adalah minimum, mencakupi hanya 0.3% daripada modal asas sektor perbankan.

Institusi perbankan Malaysia kini berada pada asas yang lebih kukuh untuk menceburi perniagaan baharu, mengambil risiko yang lebih kompleks dan tahan menghadapi kejutan. Peningkatan keupayaan ini disokong oleh rekod kewangan yang lebih kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko sektor perbankan pada 13.2% dan nisbah pinjaman tak berbayar bersih sebanyak 3%.

Dari segi pengawalseliaan, Bank Negara Malaysia terus menumpukan usaha dan sumber yang lebih besar pada pengukuhan keupayaan pengawasan untuk mengesan, memantau dan menangani lebih awal risiko dan kelemahan yang muncul dalam sistem kewangan. Usaha ini juga diperkuat oleh penambahbaikan dalam alat dan proses pengawasan bagi membolehkan tindakan awal diambil bagi mengelakkan gangguan kepada sistem kewangan. Proses penyeliaan juga telah ditingkatkan menerusi penilaian risiko yang lebih terperinci dan menyeluruh terhadap institusi kewangan.

Dari segi rangka kerja pengawalseliaan, Bank Negara Malaysia akan menggariskan pendekatan untuk pelaksanaan Asas 2 Rangka Kerja Basel II. Bank Negara Malaysia menyediakan panduan lanjut dalam bidang pengurusan risiko mudah tunai dan pengendalian, penyenggaraan sasaran modal dalaman, penzahiran pasaran, dan proses penilaian dan kawalan - terutamanya untuk instrumen tak cair (*illiquid*). Panduan tersebut juga akan dikeluarkan bagi perlaksanaan proses penilaian kecukupan modal dalaman dalam institusi bagi melengkapi standard pengawalseliaan minimum di bawah Asas 1, dan juga akan menetapkan keperluan minimum untuk bank-bank yang akan menerima pakai Pendekatan Berdasarkan Penarafan Dalaman. Butiran terperinci tentang cadangan rangka kerja modal untuk pengsekuritian juga akan dikeluarkan pada tahun ini. Selain itu, garis panduan mudah tunai akan disemak bagi mengukuhkan keperluan pengurusan ketidakpadanan aliran tunai mata wang asing bagi tempoh yang berbeza.

Tadbir urus korporat akan terus menjadi keutamaan penting dalam rangka kerja pengawalseliaan bagi memelihara keutuhan sistem kewangan. Penerapan peraturan yang lebih berasaskan prinsip secara berperingkat, kini lebih banyak bergantung pada pengawasan yang berkesan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan bagi memastikan kefleksibelan pengawalseliaan yang diberikan kepada institusi kewangan dilaksanakan dengan bijak. Satu piawai layak dan sesuai yang telah disemak akan dikeluarkan untuk pengarah, pengurusan kanan dan pengawal institusi kewangan dan dilengkapi dengan strategi yang lebih baik dan terselaras untuk pembelajaran pengarah institusi kewangan bagi mengukuhkan tanggungjawab pengawasan mereka dalam landskap kewangan yang lebih kompleks.

Krisis baru-baru ini juga menunjukkan betapa pentingnya tindak balas yang terselaras dan pantas oleh pihak pengawal selia dalam menangani krisis, sama ada melalui campur tangan pasaran atau penyelesaian institusi perbankan yang sedang mengalami kesukaran. Penyelarasan tindakan yang diambil oleh Bank-bank Pusat di Eropah dan Amerika Syarikat telah melegakan kekangan mudah tunai dalam pasaran kewangan. Namun begitu, pengaturan negara dalam menghadapi institusi perbankan yang bermasalah sedang menghadapi ujian yang amat mencabar.

Tindakan yang tegas, penting bagi memastikan proses pengantaraan yang berterusan dapat

membendung krisis kewangan daripada merebak dalam sistem kewangan dan sektor benar. Tindakan awal seumpama ini juga akan mengurangkan kos krisis. Kos krisis yang ditanggung oleh Malaysia sepuluh tahun lalu ialah kurang daripada 5% daripada KDNK. Malahan, Danamodal mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM200 juta setelah institusi yang telah mendapat permodalan semula membuat pembayaran semula sepenuhnya.

Kebelakangan ini, inisiatif tambahan telah diambil bagi memperkukuh jaringan keselamatan, pengaturan penyelarasan antara agensi dan rangka kerja perundangan untuk tujuan campur tangan. Hari ini, Malaysia mempunyai rangka kerja jaringan keselamatan kewangan yang menyeluruh yang termasuk rangka kerja pemberi pinjaman usaha akhir (*lender of last resort*) dan sistem insurans deposit yang komprehensif. Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan juga disokong oleh peningkatan rangka kerja campur tangan bagi menangani bank-bank yang menghadapi tekanan kewangan. Kuasa campur tangan pengawalseliaan yang dipertingkatkan ini akan dirangkumi dalam pindaan kepada pelbagai perundangan yang ditadbir oleh Bank Pusat.

Peruntukan sokongan mudah tunai oleh Bank Negara Malaysia untuk institusi kewangan yang bermasalah merupakan komponen utama jaringan keselamatan. Berdasarkan pengalaman kegagalan bank di peringkat antarabangsa baru-baru ini, kriteria campur tangan tradisional iaitu memberikan pinjaman kepada bank-bank yang 'mampu bayar tetapi tak cair' telah diuji, memandangkan semakin sukar untuk menentukan keperluan campur tangan di samping kaedah dan ketepatan masa langkah-langkah tersebut. Oleh itu, tahap sokongan seumpama ini akan berdasarkan keseimbangan pelbagai pertimbangan dengan teliti, antara lainnya termasuk, kemungkinan kesan sistemiknya, kos campur tangan, kos kegagalan, penghindaran gangguan perjalanan pasaran dan akhirnya kemungkinan kesan sosial. Bagi mengelakkan kesan bahaya moral dalam jangka panjang, pemberi pinjaman usaha akhir adalah berdasarkan penerapan ujian daya maju yang rapi dan 'prinsip kerugian pertama', iaitu kerugian akan ditanggung oleh pemegang saham institusi kewangan. Rangka kerja pengendalian juga memerlukan tahap kefleksibelan yang mencukupi dari segi instrumen dasar, cagaran yang boleh diterima dan pelbagai rakan niaga bagi menangani keadaan pasaran yang luar biasa.

Melangkah ke hadapan, pengaturan kerjasama bagi menangani krisis akan terus dipertingkatkan. Ini termasuk memperkukuh pengaturan kerjasama semasa dalam kalangan pelbagai agensi pengawalseliaan di Malaysia, di samping meningkatkan kerjasama merentas sempadan di rantau ini. Sesungguhnya, langkah-langkah penting telah pun diambil bagi memperkukuh rangka kerja kerjasama antara bank pusat dengan agensi pengawalseliaan di rantau ini bagi menggalakkan kestabilan kewangan pada peringkat serantau. Ini termasuk pewujudan pelbagai mekanisme serantau bagi menjalin kerjasama dan penyelarasan dalam pengawasan, perkongsian maklumat dan pengurusan krisis. Mekanisme ini akan menjadi bertambah penting memandangkan integrasi serantau akan lebih kukuh dan lebih banyak institusi kewangan Malaysia berusaha niaga di luar negara.

Kemajuan yang telah dicapai dalam sektor kewangan telah mengatasi jangkaan awal yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Asas sektor kewangan yang memberangsangkan, teguh, stabil dan berdaya tahan membuka peluang untuk sektor ini terus mara ke tahap baharu yang memberikan peluang baharu untuk mencapai kejayaan dengan rumusan dan strategi baharu. Sektor kewangan telah menjadi tonggak utama dalam menyokong transformasi ekonomi Malaysia, meningkatkan kepentingannya dan menggalakkan struktur ekonomi yang lebih pelbagai. Ini telah dicapai menerusi pemberian pembiayaan yang meningkat melalui sistem perbankan dan pasaran modal. Pinjaman terkumpul dan sekuriti hutang swasta terutamanya, berkembang pada kadar purata 7.8% bagi tahun 2001 hingga 2007. "Doing Business Report 2007" iaitu laporan kaji selidik yang dibuat oleh Bank Dunia menunjukkan Malaysia berada pada tangga ketiga dari segi akses kepada kemudahan kredit dalam

kalangan 175 negara. Dalam persekitaran pendapatan dan permintaan dalam negeri yang semakin meningkat, pemodenan perbankan runcit yang selanjutnya akan menjadi penting pada masa hadapan. Dengan kadar celik kewangan yang kian meningkat dan pengguna yang semakin canggih, serta perintisan produk dan jualan silang, trend ke arah urus niaga kewangan secara elektronik akan menjadi lebih pesat.

Pinjaman kepada sektor korporat akan menjadi kurang penting apabila pasaran modal berfungsi dengan lebih meluas dan cekap. Khususnya, pasaran bon membuka peluang untuk peningkatan khidmat nasihat korporat dan perniagaan penajajaminan hutang dan ekuiti. Sekuriti hutang swasta kini merupakan 45.5% daripada KDNK. Trend yang akan menjadi lebih penting pada masa hadapan ialah perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Menjelang tahun 2010, sumbangan PKS kepada ekonomi dijangka mencapai 37%, dan mencakupi 22% daripada eksport. Pinjaman yang diluluskan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan kepada PKS telah meningkat 34.3% kepada RM63.2 bilion pada tahun 2007. Trend ini dijangka meningkat dengan lebih cepat pada masa hadapan. Pembiayaan mikro juga penting dalam penyediaan perkhidmatan kewangan yang lebih meluas untuk perusahaan mikro dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan yang seimbang.

Dalam tiga tahun kebelakangan ini, sektor kewangan dan insurans berkembang 8.3% setahun, mengatasi pertumbuhan KDNK benar pada kadar kira-kira 6%. Sektor kewangan kini mencakupi 11% daripada KDNK, dengan kira-kira 140,000 orang bekerja dalam industri. Gaji purata dalam industri ialah 2.4 kali lebih tinggi daripada pendapatan per kapita negara dan antara yang tertinggi dalam ekonomi, mencerminkan jawatan berkemahiran yang bertahap lebih tinggi dalam industri ini. Oleh itu, permintaan tinggi terhadap tenaga kerja mahir dalam sektor kewangan memerlukan pelaburan yang besar.

Sebagai sebahagian daripada usaha strategik bagi Malaysia mencapai status ekonomi negara maju menjelang tahun 2020, sektor kewangan pada masa hadapan juga berperanan penting sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi. Kajian telah menunjukkan bahawa bank-bank memainkan peranan penting dalam menggalakkan pewujudan industri baharu di samping memberikan kesan limpahan kepada sektor lain dalam ekonomi. Dalam membangunkan sektor kewangan, bank-bank memberikan sumbangan besar kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan profesional, termasuk rangkaian perkhidmatan sokongan yang merangkumi pembangunan perisian, telekomunikasi, perkongsian perkhidmatan, dan perkhidmatan perundangan dan perakaunan. Keupayaan sektor kewangan untuk memainkan peranan sebagai pemangkin banyak bergantung pada jumlahnya yang mencukupi. Sektor kewangan sebegini berupaya memainkan peranan penting dalam menggembleng tenaga kerja mahir dan perhubungan perniagaan bagi memperkukuh usaha penyelidikan dan pembangunan, serta merangsang inovasi dalam sektor ekonomi lain. Melalui penyaluran produktiviti, sektor kewangan boleh memacu pertumbuhan endogen (*endogeneous*) dalam sektor ekonomi lain.

Saya akan menyentuh pula dua bidang yang Malaysia mempunyai kelebihan bersaingan yang kukuh. Pertama ialah kewangan Islam dan yang kedua ialah perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (*shared services and outsourcing*, SSO). Malaysia berada di barisan hadapan dalam pembangunan kewangan Islam dengan pasaran sukuk terbesar di dunia, mencakupi 65.8% daripada sukuk terkumpul global pada hujung bulan Mac 2008. Berdasarkan asas kewangan Islam yang kukuh dari segi pengalaman, infrastruktur dan pengetahuan, usaha mempromosikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dalam sektor ekonomi lain. Kesan positif dijangka melimpah kepada pasaran dan industri berkaitan seperti pasaran harta tanah dan sektor kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan perniagaan, yang meningkatkan momentum pertumbuhan sektor tersebut kepada ekonomi.

Seperti sektor kewangan Islam, sektor SSO juga mempunyai potensi untuk mewujudkan hubungan yang saling memperkukuh dengan sektor kewangan di Malaysia. Penyertaan sektor kewangan dalam sektor SSO dijangka mendorong pertumbuhan industri teknologi komunikasi maklumat, apabila lebih banyak hab berteraskan teknologi diwujudkan di Malaysia. Malaysia kini di tangga ketiga sebagai pusat penggunaan perkhidmatan pihak ketiga yang paling menarik di dunia, yang telah menempatkan sebanyak 123 buah pusat SSO termasuk peneraju dalam industri kewangan, teknologi dan tenaga.

Pada masa hadapan, rancangan liberalisasi bertujuan memperkukuh peranan sektor kewangan Malaysia dalam fasa pembangunan seterusnya, dengan memanfaatkan kelebihan berbanding teras sambil meraih faedah daripada persepakatan dan perkongsian. Strategi ini akan tertumpu pada usaha strategik mengukuhkan sektor kewangan Malaysia, dengan strategi berbeza yang dikhususkan untuk subsektor dan pasaran yang berlainan. Malaysia akan meneruskan strategi liberalisasi yang lebih agresif untuk memaksimumkan potensi negara dalam bidang yang mempunyai manfaat bersama daripada liberalisasi yang lebih meluas ini. Satu bidang yang akan terus diberikan tumpuan ialah peningkatan pakatan strategik dengan rakan kongsi asing dan penyertaan asing yang lebih besar dalam pasaran kewangan Malaysia. Ini merupakan faktor penting yang akan meningkatkan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan dengan negara lain di dunia.

Khususnya, kemajuan awal untuk menyokong usaha berterusan integrasi dengan negara-negara Asia Tenggara lain melalui Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) akan mempermudah kerjasama ekonomi yang lebih meluas dan mendalam di rantau ini. Melalui usaha niaga luar negara oleh institusi perbankan Malaysia baru-baru ini, jelas bahawa prospek kerjasama serantau telah pun diperakui. Bank-bank Malaysia mempunyai potensi yang hebat untuk memperoleh manfaat yang lebih besar daripada peningkatan integrasi serantau melalui pempelbagaian aliran pendapatan dan kemakmuran serantau yang bertambah pesat. Walau bagaimanapun, pengembangan tersebut perlu sepadan dengan keupayaan keinstitusian. Dari segi timbal balik, pertimbangan akan diberikan untuk menambah kehadiran institusi kewangan yang berasal dari negara ASEAN di Malaysia. Sesungguhnya, liberalisasi termasuk akses pasaran yang lebih meluas boleh diberikan kepada negara-negara yang juga mempunyai potensi timbal balik untuk institusi kewangan Malaysia, bagi meneruskan usaha menggalakkan integrasi ekonomi dan kewangan yang lebih meluas di rantau ini.

Landskap pengendalian pada masa hadapan akan menjadi semakin mencabar. Tekanan persaingan dan perkembangan global akan terus membentuk proses transformasi sektor kewangan. Sementara prospek pertumbuhan sektor kewangan terus positif, dengan kemunculan sektor kewangan yang lebih kukuh dan berkesan, sektor ini juga mempunyai prospek untuk mendahului pasaran, mencipta pencapaian baharu dalam pembangunan dan kualiti perkhidmatan perbankan serta saluran penghantaran. Keupayaan untuk bersaing akan memacu prestasi dan inovasi dalam sektor kewangan serta meningkatkan potensi untuk menyumbang kepada ekonomi dalam membuat lonjakan ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Terdapat keyakinan yang tinggi bahawa sektor kewangan Malaysia akan menyahut cabaran ini.